

Sebuah bot yang digunakan mengumpul sampel air untuk analisis pencemaran di perairan Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan pantai Pagar Ajam, semalam.



Sisa toksik cemar perairan Selat Prai

JAS siasat pencemaran

» *Tunggu kajian laporan jurnal sebelum boleh bertindak*

Oleh Siti Fatimah
Mohamed Anwar
ctfa@bh.com.my

Georgetown

Laporan pencemaran hidrokarbon petroleum di perairan negeri ini terutama sekitar Prai dan Jambatan Pulau Pinang akan di-siasat.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang akan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat dakwaan itu.

Pengarah JAS Pulau Pinang, Datuk Hassan Mat, berkata buat masa ini, pihaknya tidak mempunyai kuasa untuk melarang orang ramai atau nelayan menjalankan aktiviti di laut kerana keadaan tidak mendesak untuk berbuat demikian.

Kajian mendalam

"Saya sudah baca artikel mengenai pencemaran berkenaan termasuk jurnal kajian penyelidikan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyebut bahawa kehadiran unsur Polycyclic Aromatic Hydrocarbons (PAHs) dikesan di perairan dan muara sungai di

negeri ini.

"Namun, kita akan mengkaji secara lebih mendalam berhubung dakwaan berkenaan," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Baru-baru ini, BH mendedahkan laporan penyelidikan dari UMS dan UPM mengenai pencemaran PAHs di kawasan perairan negeri ini, khususnya di Prai, yang boleh menjejaskan kesihatan awam.

Orang ramai degil

Hassan berkata jabatan memerlukan laporan jurnal berkenaan untuk diteliti.

"Perkara ini serius kerana ia membabitkan kesihatan dan keselamatan orang ramai dan kita akan bertindak segera sejerus mendapat (laporan) kajian terbabit. Sejauh mana tahap pencemaran itu perlu dikaji sebelum tindakan susulan diambil," katanya.

Sementara itu, tinjauan BH, di pesisir pantai di Hentian Rehat & Rawat (R&R) Bagan Ajam di sini, mendapati orang ramai masih beriadah dan melakukan aktiviti pantai termasuk memancing dan berenang di kawasan yang didakwa tercemar.

Pengunjung yang hanya mahu dikenali sebagai Amran 30-an, berkata, dia selalu membawa isteri dan anaknya beriadah di kawasan pantai berkenaan kerana dua anak perempuannya berusia enam dan lapan tahun gemar bermain air selain mengumpul kulit siput.